# LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**LEM/KK/372**
11 November 2025

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

**CADANGAN SYARAT LESEN PERINGKAT PENGENDALIAN PENUH (*FULL OPERATING LICENSE,* FOL) KEENAM LPTA/A/1333 BERKAITAN SYARIKAT LYNAS MALAYSIA SDN. BHD.**

Memorandum daripada Setiausaha Eksekutif

## TUJUAN

1 Kertas kerja ini disediakan bertujuan mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) berhubung cadangan dan syor Jabatan Tenaga Atom bagi syarat lesen peringkat pengendalian penuh (*Full Operating License,* FOL) keenam (FOL Ke-6) LPTA/A/1333 milik Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas).

## LATAR BELAKANG

### (a) Lesen Peringkat Kendalian Sementara (*Temporary Operating License,* TOL)

2 Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga ke-73 pada 30 Januari 2012 telah memutuskan agar permohonan TOL oleh Lynas, diluluskan tertakluk kepada beberapa syarat. Walaubagaimanapun, TOL belum dikeluarkan kerana Lynas perlu mematuhi syarat yang dibuat di bawah Akta 304 dan peraturan-peraturan subsidiarinya. Syarat yang dimaksudkan oleh Lembaga adalah termasuk syarat lazim, syarat tambahan oleh Lembaga

dan syarat khas yang diperintah oleh YB Menteri MOSTI. Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga Khas Bil. 5/2012 pada 03 September 2012 ML Bil 5/2012 telah melaksanakan penelitian dan penilaian semula terhadap permohonan TOL oleh Lynas dan berpuashati bahawa Lynas telah mematuhi semua aspek teknikal, termasuk kaedah kawalan debu serta imobilisasi bahan radioaktif dalam residu, dan keperluan perundangan yang ditetapkan. Lembaga di dalam mesyuarat yang sama juga sedia maklum bahawa Lynas telah membuat komitmen untuk membawa residu Water Leach Purification (WLP) yang terhasil dalam projek LAMP keluar daripada Malaysia. Sehubungan itu, Lembaga telah memutuskan untuk mengeluarkan TOL bersekali dengan Lesen Kelas E (import atau eksport) dan Kelas G (penstoran sebelum pelupusan) bagi membolehkan Lynas mengimport pekatan lanthanid dan menstor residu secara sementara bagi tempoh 2 tahun berkuatkuasa dari 3 September 2012 sehingga 2 September 2014.

**(b) Lesen Pengendalian Penuh (*Full Operating License,* FOL) kali pertama dan Ke-2**

3 Pada 21 Ogos 2014, Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga ke-81 telah meluluskan permohonan pembaharuan lesen LPTA/A/1333 bagi aktiviti:

i. Kelas A (Mengilang) – membaharui lesen kelas A (Mengilang) untuk mengilang bahan mentah pekatan lantanid (lanthanide concentrates) Peringkat Pengendalian Sementara kepada Peringkat Pengendalian Penuh (*Full Operation License,* FOL);
ii. Kelas A (Bahan Radioaktif Punca Terkedap) untuk aktiviti tolokan;
iii. Kelas C (Radas Penyinaran) untuk aktiviti penganalisaan bahan;
iv. Kelas E (Import/ Eksport) untuk mengimport bahan mentah pekatan lantanid dari Mount Weld Australia ke Kuantan, Pahang dan
v. Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan) untuk menstor sementara residu yang dihasilkan ke Kemudahan Penstoran Sementara atau ‘Residues Storage Facility, RSF’ di dalam kawasan tapak kilang sebelum pelupusan akhir (final disposal).

4 Kelulusan pembaharuan lesen Lynas bagi tempoh Lesen Pengendalian Penuh (*Full Operating License,* FOL) pertama **(FOL 1)** adalah bagi tempoh dua (2) tahun bermula **03 September 2014 sehingga 02 September 2016**. Pada 28 Julai 2016, Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga ke-88 telah meluluskan permohonan pembaharuan lesen LPTA/A/1333 **FOL 2** kedua bagi tempoh **03 September 2016 sehingga 02 September 2019**. Syarat lesen bagi kedua-dua FOL ini adalah dikekalkan tanpa mengalami perubahan major.

**(c) <u>Pembaharuan lesen FOL Ke-3</u>**

5 Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga kali ke-99 (Bil.3/2019) pada 06 Ogos 2019 telah memutuskan untuk pembaharuan lesen **FOL Ke-3** selama enam (6) bulan bermula **03 September 2019 sehingga 02 Mac 2020** dengan penetapan syarat tambahan kepada Lynas seperti berikut:

i. Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan (*facility*) "*Cracking and Leaching*" di luar negara bagi tujuan memindahkan proses tersebut yang kini dijalankan di lojinya di Gebeng Kuantan, keluar dari Malaysia. Kemudahan Cracking and Leaching di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi dalam tempoh 4 tahun dari tarikh sah lesen. Selepas kemudahan "Cracking and Leaching" mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif yang melebihi 1 Becquerel per gram di lojinya di Gebeng, Kuantan.;

ii. Lynas hendaklah:

a) mengenal pasti tapak spesifik untuk pembinaan Kemudahan Pelupusan Kekal (Permanent Disposal Facility, PDF) dan hendaklah mengemukakan kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan Negeri bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF. Pemegang lesen juga hendaklah mengemukakan pelan perancangan pembinaan PDF

yang lengkap serta pelan pembiayaan yang mencukupi bagi menampung keseluruhan pembinaan dan operasi PDF; atau

b) mengemukakan kebenaran rasmi secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk membawa keluar residu *Water Leach Purification* (WLP) ke negara tersebut;

iii. Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan "*cracking and leaching* (C&L)" di luar negara yang hendaklah mula beroperasi dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh mula tempoh sah lesen ini. Selepas kemudahan tersebut mula beroperasi di luar negara, Lynas hendaklah hanya memproses di Malaysia bahan input proses yang telah menjalani proses C&L di luar negara dan tidak akan menghasilkan residu WLP.

iv. Lynas hendaklah menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan (Research and Development, R&D) berkaitan penggunaan semula residu radioaktif WLP sebagai Condisoil dalam bidang pertanian dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus (%) daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai cagaran tambahan sehingga kemudahan “Cracking and Leaching” di luar negara mula beroperasi.

**(e) <u>Pembaharuan lesen FOL Ke-4</u>**

6 Mesyuarat Lembaga Khas Bil.1/2020 telah diadakan pada 17 Februari 2020 memutuskan pembaharuan lesen **FOL Ke-4** diluluskan untuk 3 tahun bermula **03 Mac 2020 sehingga 02 Mac 2023**. Pada 25 Februari 2025, Mesyuarat Lembaga Khas LPTA Bil.2/2020 telah diadakan untuk mendapat persetujuan dengan pindaan kepada draf syarat lesen Lynas.

7 Hasil mesyuarat ini, Lembaga memutuskan syarat tambahan dikenakan kepada Lynas seperti berikut:

i. Pemegang lesen hendaklah memulakan proses pembangunan Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility*, PDF) di lokasi bersesuaian pada tahun pertama dari tarikh kelulusan lesen setelah memenuhi keperluan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkenaan. Kegagalan untuk memulakan pembinaan PDF dan mematuhi garis masa (*milestone*) pembinaan pada tempoh masa yang ditetapkan boleh menyebabkan lesen terbatal.

ii. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja untuk pembinaan PDF dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. Lembaga berhak menyemak semula keputusan syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan status kemajuan yang dicapai.

iii. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu-residu *Water Leach Purification* (WLP) yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari Lynas Advanced Material Plant (LAMP) sehingga Julai 2023.

iv. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji C&L di luar negara beroperasi sebelum Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi *Naturally Occurring Radioactive Material* (NORM) ke Malaysia.

v. Pemegang lesen hendaklah melantik pihak ketiga yang bebas (*Independent Third Party*) untuk melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan

pembinaan PDF dan pembinaan loji C&L dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga.

vi. Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di Lynas Advanced Material Plant (LAMP) selepas pemindahan proses C&L ke Luar Negara.

vii. Pegangan wang cagaran akan dikekalkan bagi keperluan pematuhan syarat-syarat lesen yang berkaitan.

**(f) <u>Pembaharuan lesen FOL Ke-5</u>**

8 Pada 12 Jun 2023, Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ke-111 (Bil.2/2023) telah mengambil maklum berkenaan pindaan syarat-syarat lesen Lynas selaras dengan perintah yang dibuat oleh YB Menteri MOSTI seperti berikut:

i. Syarat Lesen No. 8.4
Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (*Naturally Occurring Radioactive Material*, NORM) ke Malaysia berkuatkuasa **1 Januari 2024**.

ii. Syarat Lesen 31.1
Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji Cracking and Leaching di luar negara beroperasi sebelum **1 Januari 2024**. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi NORM ke Malaysia.

iii. Syarat Lesen No. 32.2
Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari LAMP sehingga **Januari 2024**.

iv. Manakala bagi syarat lesen No. 29.2, 31.2, 31.3, 32.1, 32.3, 34.1, 34.2, 40.1 dan 40.2, YB Menteri MOSTI memutuskan mengekalkan sepertimana kpeutusan Lembaga.

9 Syarat lesen **FOL Ke-5** telah dimuktamadkan didalam Mesyuarat Lembaga ke-112 pada 11 September 2023 dimana Lembaga telah membincangakan dan bersetuju untuk pindaan syarat lesen Lynas bagi tempoh sah lesen **03 Mac 2023 sehingga 02 Mac 2026** seperti berikut:

**Jadual 1: Pindaan syarat lesen yang diluluskan oleh Lembaga (ML Ke-112) bagi tempoh sah lesen 03 Mac 2023 hingga 02 Mac 2026 bagi syarat lesen no. 08, 29, 31, 32, 34 dan 40**

| Syarat lesen FOL 5 bagi tempoh sah lesen 03 Mac 2023 - 02 Mac 2026 | Pindaan syarat lesen yang telah dipersetujui oleh Lembaga |
|---|---|
| 8. Import/ Eksport<br><br>8.4 Pemegang lesen **tidak dibenarkan** lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (NORM) ke Malaysia berkuatkuasa 1 Januari 2024. | 8. Import/ Eksport<br><br>8.4 Pemegang lesen **dibenarkan** mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (NORM) ke Malaysia sehingga tempoh sah lesen ini dan juga tertakluk kepada syarat No. 40. |
| 29. **Kendalian residu WLP**<br><br>29.2 Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di LAMP selepas pemindahan proses C&L ke luar negara. | 29. **Kendalian residu WLP**<br><br>Dipersetujui oleh Lembaga untuk digugurkan kerana telah diperuntukkan di dalam syarat lesen No. 8.4 |

| Syarat lesen FOL 5 bagi tempoh sah lesen 03 Mac 2023 - 02 Mac 2026 | Pindaan syarat lesen yang telah dipersetujui oleh Lembaga |
|---|---|
| **31. Loji C&L di luar negara**<br><br>31.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji C&L di luar negara beroperasi sebelum 1 Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi NORM ke Malaysia.<br><br>31.2 Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di LAMP selepas pemindahan proses C&L ke luar negara.<br><br>31.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan pihak ketiga yang bebas (*independent third party*) yang dilantik melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan loji C&L dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga. | <br><br>Dipersetujui oleh Lembaga untuk digugurkan kerana telah diperuntukkan di dalam syarat lesen No. 8.4 |
| **32. Kemudahan Pelupusan Kekal (PDF)**<br><br>32.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP yang sedia ada dan sebarang residu WLP | <br><br>32.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP **sahaja**. |

| Syarat lesen FOL 5 bagi tempoh sah lesen 03 Mac 2023 - 02 Mac 2026 | Pindaan syarat lesen yang telah dipersetujui oleh Lembaga |
|---|---|
| yang akan dihasilkan dari LAMP sehingga Januari 2024. | |
| **34. Kawalan keselamatan dan sekuriti punca terkedap**<br><br>34.1 Pemegang lesen hendaklah melaksanakan langkah keselamatan dan sekuriti punca terkedap dengan **lebih** ketat bagi mengelakkan kejadian kehilangan, kecurian dan sabotaj. | 34.1 Pemegang lesen hendaklah melaksanakan langkah keselamatan dan sekuriti punca terkedap dengan ketat bagi mengelakkan kejadian kehilangan, kecurian dan sabotaj. |
| **40. Pembangunan dan Penyelidikan (R&D)**<br><br>40.1 Pemegang lesen hendaklah membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D berkaitan pengurusan residu WLP yang akan diselia oleh Lembaga. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa hasil R&D tersebut dapat dikomersialkan. | 40.1 Pemegang lesen hendaklah membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D berkaitan pengurusan residu WLP **dan yang berkaitan dengannya** yang akan diselia oleh Lembaga. |

10 Selain daripada itu, Lembaga juga bersetuju dengan cadangan untuk memasukkan semula dalam syarat lesen Lynas perkara berikut bagi mengambil kira cagaran bagi lesen hendaklah dipantau:

***" Cagaran bagi lesen***

i. *Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat jaminan kewangan yang telah selesai dibayar kepada Kerajaan Malaysia sebanyak United State Dollar (USD) 50 juta yang dikenakan sebagai:*

   a) *Jaminan kepada pematuhan syarat lesen oleh pemegang lesen; dan*
   b) *Jaminan kepada Kerajaan Malaysia sekiranya berlaku kehilangan bahan radioaktif atau kemalangan dan kerosakan akibat aktiviti pemegang lesen.*

ii. *Pemegang lesen hendaklah memastikan wang cagaran dalam bentuk bon sentiasa sah tempoh lakunya dan melaporkannya kepada Lembaga.*

iii. *Pemegang lesen hendaklah mengambil maklum bahawa cagaran ini tertakluk kepada kajian semula oleh Lembaga jika difikirkan perlu setelah mengambil kira kepentingan keselamatan sinaran dan kepentingan awam.*

11 **Lampiran 1** menerangkan syarat lesen utama FOL berserta syarat lesen yang dikeluarkan berdasarkan permohonan pindaan lesen yang diluluskan sepanjang tempoh FOL tersebut berkuat kuasa. Pindaan lesen yang dimaksudkan ialah merujuk kepada pindaan lesen LPTA/A/1333 yang tidak melibatkan perubahan major kepada syarat lesen dan tidak melibatkan pindaan terhadap lesen kelas A (Pengilangan-Peringkat Kendalian Penuh). Perbandingan syarat lesen terkini yang berkuat bagi setiap tempoh FOL adalah seperti di dalam **Lampiran 2**.

## ASAS-ASAS PENILAIAN

### I. Keputusan Mesyuarat Lembaga ke-117

12 Pada 05 Ogos 2025, Lembaga di dalam Mesyuarat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom Ke-117 telah menegaskan keperluan untuk mempertimbangkan beberapa perkara dalam syarat lesen baharu Lynas iaitu:

i. tidak membenarkan mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif;
ii. memastikan pembangunan teknologi mengekstrak torium daripada residu WLP dan yang berkaitan dengannya dapat dilaksanakan; dan
iii. mengambilkira lain-lain kajian yang telah dibuat sebelum ini yang telah berjaya menurunkan kepekatan torium daripada residu WLP sehingga di bawah 1 Bq/g.

### II. Hasil analisis perbandingan syarat lesen bagi 3 siri FOL terkini

13 Analisis perbandingan syarat-syarat lesen telah dilakukan bagi tiga (3) siri FOL yang terkini. Hasil dari analisis ini, dicadangkan dua (2) draf syarat lesen LPTA/A/1333 untuk pembaharuan **FOL ke-6 bermula pada 3 Mac 2026** seperti **Lampiran 3A dan 3B**. Draf cadangan syarat lesen FOL ke-6 dirangka dan diolah dari syarat lesen FOL ke-5.2 yang merupakan syarat lesen terkini yang berkuat kuasa bagi Lynas.

14 Cadangan ini juga mengambilkira keputusan Lembaga di dalam Perkara 12 dan dikemaskini untuk menjadi lebih komprehensif serta mengambilkira senario Lynas tidak lagi dibenarkan untuk mengimport pekatan lantanida selepas 3 Mac 2026 (**Lampiran 3A**) dan juga kemungkinan Lynas masih dibenarkan untuk mengimport pekatan lantanida selepas 3 Mac 2026 (**Lampiran 3B**). Penerangan bagi setiap versi ini juga disediakan untuk menerangkan hasrat dan pertimbangan yang telah dibuat untuk pendrafan syarat lesen ini.

15 Implikasi sekiranya Lynas tidak lagi dibenarkan untuk mengimport pekatan lantanida selepas 3 Mac 2026:

i. Bekalan bahan mentah akan terganggu dan Lynas perlu mencari sumber alternatif atau menyusun semula prosesnya.
ii. Projek lanjutan yang telah dilabur dan dirancang oleh Lynas dalam memproses REE di Malaysia akan menghadapi risiko kelewatan atau pembatalan.
iii. Lynas mungkin akan memindahkan lebih banyak aspek pemprosesan ke luar Malaysia atau memilih lokasi alternatif yang menyebabkan Malaysia kehilangan kelebihan sebagai hab pemprosesan REE negara.
iv. Industri REE global juga mungkin menghadapi sedikit gangguan dengan potensi kenaikan kos dan kebertanggungan kepada negara China atau syarikat lain.

**SYOR**

16 Adalah disyorkan agar Lembaga mempertimbang membuat keputusan sama ada Lynas dibenarkan mengimport pekatan lanthanida atau tidak selepas 3 Mac 2026 dan bersetuju dengan cadangan syarat lesen bagi pembaharuan lesen FOL ke-6 Lynas yang akan bermula pada 03 Mac 2026 setelah selesai proses pembaharuan lesen.

**LAMPIRAN 1**

| Bil. | Siri FOL | Tempoh | No. ID Syarat Lesen | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **FOL 1** | 3/9/2014 – 2/9/2016 | 12540 | Pembaharuan FOL |
| 2 | **FOL 2** | 3/9/2016 – 2/9/2019 | 18936 | Pembaharuan FOL |
| 3 | FOL 2.1 | | 19441 | Pindaan Lesen |
| 4 | FOL 2.2 | | 20164 | Pindaan Lesen |
| 5 | FOL 2.3 | | 20681 | Pindaan Lesen |
| 6 | **FOL 3** | 3/9/2019 – 2/3/2020 | 23452 | Pembaharuan FOL |
| 7 | **FOL 4** | 3/3/2020 – 2/3/2023 | 24158 | Pembaharuan FOL |
| 8 | FOL 4.1 | | 26788 | Pindaan Lesen |
| 9 | **FOL 5** | 3/3/2023 – 2/3/2026 | 28086 | Pembaharuan FOL |
| 10 | FOL 5.1 | | 28819 | Pindaan Lesen |
| 11 | FOL 5.2 | | 29773 | Pindaan Lesen |

**Penerangan syarat lesen utama FOL dan syarat lesen berdasarkan kelulusan pindaan lesen sepanjang tempoh FOL berkuatkuasa**

**LAMPIRAN 2**

## Perbandingan syarat lesen FOL bagi tiga (3) siri terkini

| **Bil.** | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| | **Bahagian II – Kawalan Operasi** | | | |
| | 8. Import/Eksport<br><br>8.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan daripada AELB terlebih dahulu sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh sumber sinaran seperti di Lampiran A diimport/eksport untuk kegunaan sendiri sahaja melalui sistem secara atas talian (on-line) menggunakan 'Sistem e-permit' atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh AELB.<br><br>8.2 Pemegang lesen dikehendaki mengemukakan salinan Certificate of Analysis (COA) yang telah disahkan oleh OBTL/PPS dan dilengkapi dengan cop syarikat kepada AELB bagi setiap penghantaran punca tidak terkedap pekatan lantanid (lanthanide concentrates) 14 hari sebelum diimport dari Mt. Weld, Australia ke Malaysia. | 8. Import/Eksport<br><br>8.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan daripada AELB terlebih dahulu sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh sumber sinaran seperti di Lampiran A diimport/eksport untuk kegunaan sendiri sahaja melalui sistem secara atas talian (on-line) menggunakan 'Sistem e-permit' atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh AELB.<br><br>8.2 Pemegang lesen dikehendaki mengemukakan salinan Certificate of Analysis (COA) yang telah disahkan oleh OBTL/PPS dan dilengkapi dengan cop syarikat kepada AELB bagi setiap penghantaran punca tidak terkedap pekatan lantanid (lanthanide concentrates) 14 hari | 8. Import/ Eksport<br><br>8.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Lembaga terlebih dahulu sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh peralatan sinaran seperti di Lampiran A diimport/eksport untuk kegunaan sendiri sahaja melalui sistem secara dalam talian (e-Permit) atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh Lembaga.<br><br>8.2 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan Certificate of Analysis (CoA) yang telah disahkan oleh OBTL/PPS dan dilengkapi dengan cop syarikat kepada Lembaga bagi setiap penghantaran punca tidak terkedap pekatan lantanid 14 hari sebelum diimport dari Mt. Weld, Australia ke Malaysia. | Penambahan SL 8.4 bagi perkara berkaitan Import/Eksport di dalam SL FOL Ke-5. |

| Bil. | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| | \\ <br>8.3 Pemegang lesen hanya dibenarkan mengimport/eksport:<br>(a) bahan radioaktif punca terkedap; dan<br>(b) bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid (lanthanide concentrates) dari Mt. Weld, Australia;<br>seperti di Lampiran A untuk kegunaan sendiri sahaja. | sebelum diimport dari Mt. Weld, Australia ke Malaysia.<br><br>8.3 Pemegang lesen hanya dibenarkan mengimport/eksport:<br>(a) bahan radioaktif punca terkedap; dan<br>(b) bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid (lanthanide concentrates) dari Mt. Weld, Australia;<br>seperti di Lampiran A untuk kegunaan sendiri sahaja. | 8.3 Pemegang lesen hanya dibenarkan mengimport/eksport:<br>(a) bahan radioaktif punca terkedap; dan<br>(b) bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid dari Mt. Weld, Australia;<br>seperti di Lampiran A untuk kegunaan sendiri sahaja.<br><br>**8.4 Pemegang lesen dibenarkan mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (NORM) ke Malaysia sehingga tamat tempoh sah lesen ini dan juga tertakluk kepada syarat No. 40.** | |
| | 9. Mengangkut (bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid)<br><br>9.1 Mengangkut menggunakan khidmat agen pengangkutan | 9. Mengangkut (bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid **dan residu Water Leached Purification, WLP**)<br><br>9.1 Mengangkut menggunakan khidmat agen pengangkutan | 9. Mengangkut (Bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid dan **residu WLP**)<br><br>9.1 Mengangkut menggunakan khidmat agen pengangkutan | Penambahan penerangan berkenaan pengangkutan WLP di dalam SL FOL ke-4 dan diteruskan di dalam FOL ke-5. |

| **Bil.** | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| | 9.1.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen pengangkutan yang dilantik perlu:<br><br>(a) mempunyai lesen yang sah daripada AELB untuk mengangkut sumber sinaran seperti di Lampiran A yang mematuhi Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989 [P.U. (A) 456] dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46];<br>(b) memaklumkan kepada AELB sebelum melakukan sebarang aktiviti pengangkutan;<br>(c) mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diterimapakai/diluluskan oleh AELB; dan<br>(d) mematuhi laluan perjalanan yang telah diluluskan oleh AELB.<br><br>9.1.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen | 9.1.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen pengangkutan yang dilantik perlu:<br>(a) mempunyai lesen yang sah daripada AELB untuk mengangkut sumber sinaran seperti di Lampiran A yang mematuhi Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989 [P.U. (A) 456] dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46];<br>(b) memaklumkan kepada AELB sebelum melakukan sebarang aktiviti pengangkutan;<br>(c) mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diterimapakai/diluluskan oleh AELB; dan<br>(d) mematuhi laluan perjalanan yang telah diluluskan oleh AELB dan sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan daripada AELB terlebih dahulu.<br><br>9.1.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen | 9.1.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen pengangkutan yang dilantik hendaklah:<br>(a) mempunyai lesen yang sah daripada Lembaga untuk mengangkut sumber sinaran seperti di Lampiran A yang mematuhi Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989 [P.U. (A) 456] dan Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46];<br>(b) memaklumkan kepada Lembaga sebelum melakukan sebarang aktiviti pengangkutan;<br>(c) mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diterimapakai/diluluskan oleh Lembaga; dan<br>(d) mematuhi laluan perjalanan yang telah diluluskan oleh Lembaga dan sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga terlebih dahulu.<br><br>9.1.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen | |

| Bil. | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| | pengangkutan yang dilantik untuk mengangkut punca tidak terkedap pekatan lantanid (lanthanide concentrates) menggunakan beg pembungkus (jumbo bag) yang mempunyai keutuhan yang tinggi dan tidak mudah pecah bagi mengelakkan pelepasan kandungan bahan radioaktif semasa mengangkut dari Pelabuhan Kuantan, Pahang ke gudang di dalam tapak kilang. Kandungan bagi setiap beg pembungkus (jumbo bag) hendaklah tidak lebih daripada muatan yang boleh ditampung oleh beg pembungkus tersebut.<br><br>9.1.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan kenderaan pengangkutan yang digunakan adalah bersesuaian dengan bentuk fizikal dan berat keseluruhan bekas pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap; | pengangkutan yang dilantik untuk mengangkut punca tidak terkedap pekatan lantanid (lanthanide concentrates) menggunakan beg pembungkus (jumbo bag) yang mempunyai keutuhan yang tinggi dan tidak mudah pecah bagi mengelakkan pelepasan kandungan bahan radioaktif semasa mengangkut dari Pelabuhan Kuantan, Pahang ke gudang di dalam tapak kilang. Kandungan bagi setiap beg pembungkus (jumbo bag) hendaklah tidak lebih daripada muatan yang boleh ditampung oleh beg pembungkus tersebut;<br><br>9.1.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen pengangkutan yang dilantik untuk mengangkut punca tidak terkedap residu WLP mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diluluskan oleh Lembaga dan sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan dari Lembaga terlebih dahulu. | pengangkutan yang dilantik untuk mengangkut punca tidak terkedap pekatan lantanid menggunakan beg pembungkus (jumbo bag) yang mempunyai keutuhan yang tinggi dan tidak mudah pecah bagi mengelakkan pelepasan kandungan bahan radioaktif semasa mengangkut dari Pelabuhan Kuantan, Pahang ke gudang di dalam tapak kilang. Kandungan bagi setiap beg pembungkus (jumbo bag) hendaklah tidak lebih daripada muatan yang boleh ditampung oleh beg pembungkus tersebut.<br><br>9.1.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen pengangkutan yang dilantik untuk mengangkut punca tidak terkedap residu WLP mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diluluskan oleh Lembaga dan sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan dari Lembaga terlebih dahulu. | |

| Bil. | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| | | **9.1.4 Pemegang lesen tidak dibenar menjalankan kerja-kerja pengangkutan punca tidak terkedap residu WLP semasa hujan.**<br><br>**9.1.5 Pemegang lesen hendaklah memastikan kenderaan pengangkutan yang digunakan adalah bersesuaian dengan bentuk fizikal dan berat keseluruhan bekas pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap.** | **9.1.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja pengangkutan punca tidak terkedap residu WLP semasa hujan.**<br><br>**9.1.5 Pemegang lesen hendaklah memastikan kenderaan pengangkutan yang digunakan adalah bersesuaian dengan bentuk fizikal dan berat keseluruhan bekas pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap.** | |
| | 9.2 Mengangkut Sendiri<br><br>Pemegang lesen hendaklah mengadakan rekod terhadap pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap yang diangkut sepanjang tempoh sah lesen dan rekod ini hendaklah dipantau dan disimpan oleh OBTL/PPS/PY. | 9.2 Mengangkut Sendiri<br><br>9.2.1 Pemegang lesen hendaklah mengadakan rekod terhadap pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap yang diangkut sepanjang tempoh sah lesen dan rekod ini hendaklah dipantau dan disimpan oleh OBTL/PPS/PY.<br><br>9.2.2 Pemegang lesen yang mahu mengangkut sendiri punca tidak terkedap pekatan lantanid (lanthanide concentrates) hendaklah: | 9.2 Mengangkut sendiri<br><br>9.2.1 Pemegang lesen hendaklah mengadakan rekod terhadap pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap yang diangkut sepanjang tempoh sah lesen dan rekod ini hendaklah dipantau dan disimpan oleh OBTL/PPS/PY.<br><br>9.2.2 Pemegang lesen yang mengangkut sendiri punca tidak terkedap pekatan lantanid hendaklah: | |

| **Bil.** | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| | | (a) memaklumkan kepada AELB sebelum melakukan sebarang aktiviti pengangkutan;<br>(b) mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diterimapakai/diluluskan oleh AELB;<br>(c) mematuhi laluan perjalanan yang telah diluluskan oleh AELB dan sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan dari AELB terlebih dahulu;<br>(d) menggunakan beg pembungkus (jumbo bag) yang mempunyai keutuhan yang tinggi dan tidak mudah pecah bagi mengelakkan pelepasan kandungan bahan radioaktif semasa mengangkut dari Pelabuhan Kuantan, Pahang ke gudang di dalam tapak kilang. Kandungan bagi setiap beg pembungkus (jumbo bag) hendaklah tidak lebih daripada muatan yang boleh ditampung oleh beg pembungkus tersebut; dan<br>(e) memastikan kenderaan pengangkutan yang digunakan adalah bersesuaian dengan bentuk fizikal dan berat keseluruhan bekas | (a) memaklumkan kepada Lembaga sebelum melakukan sebarang aktiviti pengangkutan;<br>(b) mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diterimapakai/diluluskan oleh Lembaga;<br>(c) mematuhi laluan perjalanan yang telah diluluskan oleh Lembaga dan sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan dari Lembaga terlebih dahulu;<br>(d) menggunakan beg pembungkus (jumbo bag) yang mempunyai keutuhan yang tinggi dan tidak mudah pecah bagi mengelakkan pelepasan kandungan bahan radioaktif semasa mengangkut dari Pelabuhan Kuantan, Pahang ke gudang di dalam tapak kilang. Kandungan bagi setiap beg pembungkus (jumbo bag) hendaklah tidak lebih daripada muatan yang boleh ditampung oleh beg pembungkus tersebut; dan<br>(e) memastikan kenderaan pengangkutan yang digunakan adalah bersesuaian dengan bentuk fizikal dan berat keseluruhan bekas | |

| **Bil.** | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| | | pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap.<br><br>9.2.3 Pemegang lesen tidak dibenar menjalankan kerja-kerja pengangkutan punca tidak terkedap residu WLP semasa hujan. | pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap.<br><br>9.2.3 Pemegang lesen tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja pengangkutan punca tidak terkedap residu WLP semasa hujan. | |
| | 11. Menstor<br><br>Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid (lanthanide concentrates) tidak melebihi 6000 metrik tan sahaja dalam sesuatu masa di kawasan kemudahan penstoran (meliputi kontena di dalam yard kilang dan gudang penyimpanan) yang diluluskan oleh AELB sahaja. | 11. Menstor<br><br>Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid (lanthanide concentrates) tidak melebihi 6000 metrik tan sahaja dalam sesuatu masa di kawasan kemudahan penstoran (meliputi kontena di dalam yard kilang dan gudang penyimpanan) yang diluluskan oleh AELB sahaja. | 11. Menstor<br><br>Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi **13,000 metrik tan** sahaja dalam satu-satu masa di kawasan kemudahan penstoran yang diluluskan oleh Lembaga sahaja. | Peningkatan kapasiti penstoran dari 6000 MT kepada 13,000 MT di dalam SL FOL Ke-5. |
| | 16. Cagaran Bagi Lesen<br><br>Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat jaminan kewangan yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan , iaitu sebanyak United State Dollar (USD) 50 juta dan dibayar kepada Kerajaan Malaysia secara ansuran dalam tempoh 7 tahun mengikut cadangan yang dikemukakan oleh pihak pemegang lesen | | | SL 16. Cagaran Bagi Lesen (FOL Ke-3) dikeluarkkan dari SL FOL ke-4 dan FOL ke-5 dan diterjemahkan kepada SL 38, SL 39 & SL 40 di dalam SL FOL ke-4 dan SL FOL ke-5. |

| Bil. | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| | dan diterima oleh Lembaga. Perkara ini juga tertakluk kepada kajian semula oleh Lembaga jika difikirkan perlu setelah mengambilkira kepentingan keselamatan sinaran dan kepentingan awam. | | | |
| | 22. Pertukaran/ Pengambilan/ Pemberhentian<br><br>22.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan AELB sekurang-kurangnya 14 hari sebelum sebarang pengiktirafan/pertukaran/pengambilan/ pemberhentian OBTL, PPS, PY atau P dilakukan.<br>22.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan pengambilan pekerja sinaran dilakukan mengikut prosedur, diketahui mengenai latar belakang dan mengadakan tapisan keselamatan terhadap pekerja tersebut.<br>22.3 Pemegang lesen hendaklah mengemaskini pemberhentian pekerja dalam masa 14 hari selepas pemberhentian secara atas talian.<br>22.4 Bagi pekerja yang telah berhenti bekerja, pemegang lesen hendaklah menghalang kemasukan dan akses bekas pekerja tersebut kepada | 21. Pertukaran/ Pengambilan/ Pemberhentian<br><br>21.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan AELB sekurang-kurangnya 14 hari sebelum sebarang pengiktirafan/pertukaran/pengambilan/ pemberhentian OBTL, PPS, PY atau P dilakukan.<br>21.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan pengambilan pekerja sinaran dilakukan mengikut prosedur, diketahui mengenai latar belakang dan mengadakan tapisan keselamatan terhadap pekerja tersebut.<br>21.3 Pemegang lesen hendaklah mengemaskini pemberhentian pekerja dalam masa 14 hari selepas pemberhentian secara atas talian.<br>21.4 Bagi pekerja yang telah berhenti bekerja, pemegang lesen hendaklah menghalang kemasukan | 21. Pertukaran/ Pengambilan<br><br>21.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan Lembaga sekurang-kurangnya 14 hari sebelum sebarang pengiktirafan/ pertukaran/ pengambilan OBTL, PPS, PY atau P dilakukan.<br><br>21.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan pengambilan pekerja sinaran dilakukan mengikut prosedur, diketahui mengenai latar belakang dan mengadakan tapisan keselamatan terhadap pekerja tersebut. | Penerangan berkenaan pemberhentian OBTL/ pekerja diasingkan menjadi SL berasingan bagi SL FOL ke-5 (SL 22). |

| Bil. | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| | apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pemegang lesen. | dan akses bekas pekerja tersebut kepada apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pemegang lesen. | | |
| | | | 22. Pemberhentian<br><br>22.1 Pemegang lesen hendaklah mengemaskini pemberhentian pekerja dalam masa 14 hari selepas pemberhentian secara dalam talian.<br><br>22.2 Bagi pekerja yang telah berhenti bekerja, pemegang lesen hendaklah menghalang kemasukan dan akses bekas pekerja tersebut kepada apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pemegang lesen. | Penambahan SL berkaitan Pemberhentian menjadi SL 22 bagi FOL Ke-5. |
| | | | **29. Kendalian residu WLP**<br><br>**Pemegang lesen hendaklah mengendalikan residu WLP dengan cara yang selamat dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Lembaga.** | SL 29-32 dimasukkan dibawah Bahagian II bagi SL FOL Ke-5. |
| | | | **30. Penstoran residu WLP sebelum pelupusan**<br><br>**30.1 Pemegang lesen hendaklah menstor residu WLP yang** | |

| Bil. | **Syarat lesen FOL 3**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/9/2019 – 2/3/2020<br>ID Syarat Lesen: 23452 | **Syarat Lesen FOL 4.1**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2020 – 2/3/2023<br>ID Syarat Lesen: 26788 | **Syarat Lesen FOL 5.2**<br>Tempoh sah lesen:<br>3/3/2023 – 2/3/2026<br>ID Syarat Lesen: 29773 | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| pelepasan kandungan bahan radioaktif semasa mengangkut dari Pelabuhan Kuantan, Pahang ke gudang di dalam tapak kilang. Kandungan bagi setiap beg pembungkus (jumbo bag) hendaklah tidak lebih daripada muatan yang boleh ditampung oleh beg pembungkus tersebut.<br><br>9.1.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa syarikat/agen pengangkutan yang dilantik untuk mengangkut punca tidak terkedap residu WLP mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diluluskan oleh Lembaga dan sebarang perubahan hendaklah | | |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| mendapat kelulusan dari Lembaga terlebih dahulu.<br><br>9.1.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja pengangkutan punca tidak terkedap residu WLP semasa hujan.<br><br>9.1.5 Pemegang lesen hendaklah memastikan kenderaan pengangkutan yang digunakan adalah bersesuaian dengan bentuk fizikal dan berat keseluruhan bekas pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap.<br><br>9.2 Mengangkut sendiri | | |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| 9.2.1 Pemegang lesen hendaklah mengadakan rekod terhadap pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap yang diangkut sepanjang tempoh sah lesen dan rekod ini hendaklah dipantau dan disimpan oleh OBTL/PPS/PY.<br><br>9.2.2 Pemegang lesen yang mengangkut sendiri punca tidak terkedap pekatan lantanid hendaklah:<br>(a) memaklumkan kepada Lembaga sebelum melakukan sebarang aktiviti pengangkutan;<br>(b) mematuhi prosedur pengangkutan yang telah diterimapakai/diluluskan oleh Lembaga; | | |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| (c) mematuhi laluan perjalanan yang telah diluluskan oleh Lembaga dan sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan dari Lembaga terlebih dahulu;<br>(d) menggunakan beg pembungkus (jumbo bag) yang mempunyai keutuhan yang tinggi dan tidak mudah pecah bagi mengelakkan pelepasan kandungan bahan radioaktif semasa mengangkut dari Pelabuhan Kuantan, Pahang ke gudang di dalam tapak kilang. Kandungan bagi setiap beg pembungkus (jumbo bag) hendaklah tidak lebih daripada muatan yang boleh ditampung oleh beg pembungkus tersebut; dan | | |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| (e) memastikan kenderaan pengangkutan yang digunakan adalah bersesuaian dengan bentuk fizikal dan berat keseluruhan bekas pengangkutan bahan radioaktif punca tidak terkedap.<br><br>9.2.3 Pemegang lesen tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja pengangkutan punca tidak terkedap residu WLP semasa hujan. | | |
| 11. Menstor<br><br>Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 13,000 metrik tan sahaja dalam satu-satu masa di kawasan | 11. Menstor<br><br>Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 13,000 metrik tan yang **diimport sebelum 02 Mac 2026** sahaja dalam satu-satu masa di kawasan | <br><br>SL ini dikekalkan untuk LC sedia ada bagi memastikan Lynas tidak import lebih dari kapasiti diluluskan. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| kemudahan penstoran yang diluluskan oleh Lembaga sahaja. | kemudahan penstoran yang diluluskan oleh Lembaga sahaja. | Punca terkedap yang dilesenkan oleh Lynas adalah Kategori 4. Merujuk LEM/TEK/70 terkini, tiada keperluan mandatori untuk penstoran bagi punca terkedap Kategori 4. |
| <u>12. Pengilangan punca tidak terkedap pekatan lantanid</u><br><br>12.1 Pemegang lesen hendaklah mengilang punca tak terkedap pekatan lantanid tidak melebihi 110,000 tan metrik dalam wet basis dalam tempoh satu (1) tahun serta mengikut prosedur yang telah diterimapakai dan diluluskan oleh Lembaga. | <u>12. Pengilangan punca tidak terkedap pekatan lantanid</u><br><br>12.1 Pemegang lesen hendaklah mengilang punca tak terkedap pekatan lantanid tidak melebihi 110,000 tan metrik dalam wet basis dalam tempoh satu (1) tahun serta mengikut prosedur yang telah diterimapakai dan diluluskan oleh Lembaga **dari penstoran sedia ada sahaja** yang mengandungi nilai purata | <br><br>SL 12.2 digabungkan bersama ke dalam 12.1 dan penambahan pernyataan “sedia ada sahaja” merujuk keputusan ML Bil.2/2025 kerana Lynas tidak lagi dibenarkan untuk mengimport LC. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| 12.2 Pemegang lesen hendaklah menggunakan punca tidak terkedap pekatan lantanid dari Mt. Weld, Australia yang mengandungi nilai purata sebanyak 2000 bahagian per juta (parts per million, ppm) ThO2 dan nilai purata sebanyak 100 ppm U3O8 sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga sahaja. | sebanyak 2000 bahagian per juta (parts per million, ppm) ThO2 dan nilai purata sebanyak 100 ppm U3O8 serta mengikut prosedur yang telah diterimapakai dan diluluskan oleh Lembaga. | |
| 15. Perubahan maklumat<br><br>15.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan Lembaga terlebih dahulu sekiranya ingin melakukan sebarang perubahan terhadap: | 14. Perubahan maklumat<br><br>Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan Lembaga terlebih dahulu sekiranya ingin melakukan sebarang perubahan terhadap: | Penambahan pernyataan “dan pelupusan” bagi SL 15.1(c) dan perubahan dari “dan” kepada “atau”.<br><br>Penambahbaikan editorial bagi menjelaskan maksud SL ini dan |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| (a) Punca tidak terkedap pekatan lantanid yang digunakan samada jenis, kuantiti dan kualiti;<br>(b) Kemudahan dan lokasi penstoran bagi sumber sinaran;<br>(c) Kemudahan penstoran bagi residu yang dihasilkan;<br>(d) Aliran proses (process flow) yang melibatkan penggunaan punca tak terkedap pekatan lantanid termasuk lembaran aliran terperinci (detail flow sheet) perhitungan input dan output bahan-bahan (materials) dan imbangan air (water balance); **dan**<br>(e) Reka bentuk kilang yang melibatkan perubahan pada susun atur am (general layout) dan pelan terperinci | (a) Punca tidak terkedap yang digunakan samada jenis, kuantiti dan kualiti;<br>(b) Kemudahan dan lokasi penstoran bagi sumber sinaran;<br>(c) Kemudahan penstoran **dan pelupusan** bagi residu yang dihasilkan;<br>(d) Aliran proses (process flow) yang melibatkan penggunaan punca tak terkedap pekatan lantanid **sedia ada** termasuk lembaran aliran terperinci (detail flow sheet) perhitungan input dan output bahan-bahan (materials) dan imbangan air (water balance); **atau**<br>(e) Reka bentuk kilang yang melibatkan perubahan pada susun atur am (general layout) dan pelan terperinci | mengelakkan kefahaman bahawa permohonan kebenaran hanya perlu dikemukakan sekiranya berlaku perubahan terhadap semua perkara yang dinyatakan didalam SL ini. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| serta rekabentuk termasuk rekabentuk keselamatan yang dirancangkan (detail plan and design including its conceptual safety design) yang memerlukan pengesahan semula oleh jurutera bertauliah (Professional Engineer, PE). | serta rekabentuk termasuk rekabentuk keselamatan yang dirancangkan (detail plan and design including its conceptual safety design) yang memerlukan pengesahan semula oleh jurutera bertauliah (Professional Engineer, PE). | |
| <u>30. Penstoran residu WLP sebelum pelupusan</u><br><br>30.1 Pemegang lesen hendaklah menstor residu WLP yang dihasilkan (sebelum pelupusan) di Kemudahan Penstoran Sementara (Residue Storage Facility, RSF) yang telah diluluskan oleh Lembaga di dalam kawasan tapak kilang sahaja; | <u>29. Penstoran residu WLP</u><br><br>29.1 Pemegang lesen hendaklah menstor residu WLP yang dihasilkan di Kemudahan Penstoran Sementara (Residue Storage Facility, RSF) yang telah diluluskan oleh Lembaga di dalam kawasan tapak kilang sahaja; | Penukaran tajuk SL dengan menggugurkan perkataan “sebelum pelupusan”.<br><br>SL 30.3, 30.4 dan 30.6 digugurkan.<br><br>Perkataan “sebelum pelupusan” dikeluarkan untuk membawa maksud WLP perlu dibuat extraction dan tidak dibenarkan dilupuskan. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| 30.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan tindakan yang sewajarnya diambil bagi menjamin perlindungan keseluruhan RSF, supaya debu tidak berterbangan ke udara secara bebas atau berlakunya kebocoran ke dalam tanah. | 29.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan tindakan yang sewajarnya diambil bagi menjamin perlindungan keseluruhan RSF, supaya debu tidak berterbangan ke udara secara bebas atau berlakunya kebocoran ke dalam tanah. | |
| 30.3 Pemegang lesen hendaklah menghebahkan kepada pihak awam mengenai langkah kawalan berkesan sewajarnya yang dilaksanakan bagi memastikan RSF beroperasi dan berfungsi dengan selamat. | 29.3 Pemegang lesen hendaklah mengemaskini kuantiti/jumlah terkumpul residu WLP yang distor di setiap RSF setiap bulan dan mengemukakannya kepada Lembaga selewat-lewatnya pada hari ke empat belas (14) bulan berikutnya sepanjang tempoh sah lesen atau apabila diarahkan oleh Lembaga dari masa ke semasa. | SL 30.3: Arahan ini telah terkandung di dalam SL CEPA. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| 30.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan membuat apa-apa pengubahsuaian atau perubahan terhadap RSF yang menempatkan residu WLP.<br><br>30.5 Pemegang lesen hendaklah mengemaskini kuantiti/jumlah terkumpul residu WLP yang distor di setiap RSF setiap bulan dan mengemukakannya kepada Lembaga selewat-lewatnya pada hari ke empat belas (14) bulan berikutnya sepanjang tempoh sah lesen atau apabila diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa. | 29.4 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Lembaga sebelum melakukan kerja-kerja penutupan (capping) sesuatu RSF yang telah mencapai kapasiti penstoran maksimum. | SL 30.4: Arahan ini telah dinyatakan di dalam Syarat Lesen No. 15 (Perubahan Maklumat) |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| 30.6 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Lembaga sebelum melakukan kerja-kerja penutupan (capping) sesuatu RSF yang telah mencapai kapasiti penstoran maksimum. | | SL 30.6: Dikekalkan mengambilkira projek pengekstrakan belum berjaya selesai |
| <u>31. Kemudahan Pelupusan Kekal (PDF)</u><br><br>31.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja untuk pembinaan PDF dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. Lembaga berhak menyemak semula syarat lesen yang telah ditetapkan | <u>30. Kemudahan Pelupusan</u><br><br>30.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja untuk pembinaan dan **pengoperasian kemudahan pelupusan** dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga.<br><br>30.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa **kemudahan** | Perubahan istilah PDF ditukar kepada kemudahan pelupusan bagi seluruh SL.<br>Justifkasi:<br>i. Surat komitmen Lynas kepada PMX bertarikh 04 Julai 2023 menyatakan bahawa Lynas akan **menyimpan** WLP dengan selamat di dalam PDF sehingga |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| berdasarkan status kemajuan yang dicapai.<br><br>31.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP sahaja.<br><br>31.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan pihak ketiga yang bebas (independent third party) yang dilantik melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan PDF dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga. | **pelupusan** yang dibina hanya menempatkan residu WLP sahaja.<br><br>30.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan WLP yang ditempatkan dengan selamat di **kemudahan pelupusan** sehingga suatu penyelesaian alternatif dibangunkan untuk mendapatkan kembali (*retrieve*) bagi tujuan guna semula (*reuse*) atau kitar semula (*recycle*).<br><br>30.4 Pemegang lesen hendaklah memastikan pihak ketiga yang bebas (independent third party) yang dilantik melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan **kemudahan** | penyelesaian alternatif dibangunkan.<br>ii. Penyelarasan semula tafsiran "*disposal*" mengikut SSR-5 IAEA yang menyatakan seperti berikut: *"The term disposal implies that retrieval is not intended;it does not mean that retrieval is not possible."*<br><br>30.1: Penambahan "dan pengoperasian" kerana status kemudahan pelupusan adalah beroperasi dan concurrent dengan pembinaan sel D. Bergantung status terkini semasa kelulusan lesen kelak dan perlu diubah kepada pengoperasian sahaja jika telah selesai dibina. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| | **pelupusan** dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga. | 30.3: SL baharu yang dicadangkan untuk ditambah. |
| | **SYARAT LESEN BARU**<br><br><u>32. Teknologi Pengekstrakan Torium</u><br><br>32.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan pembangunan teknologi bagi pengekstrakan torium dari semua residu WLP yang telah dijana dan **pekatan lantanid sedia ada** dapat dilaksanakan untuk mengurangkan atau menurunkan kepekatan keaktifan radionuklid dalam residu WLP ke tahap di bawah 1 Bq/g dan diluluskan oleh Lembaga. | Penambahan SL baharu bagi FOL ke-6.<br><br>Mengambilkira keputusan ML Bil.2/2025 dan perkembangan projek ThX. Urusetia mencadangkan SL ini ditambah sebagai SL No. 32 (Bahagian II – Kawalan Operasi) |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| | 32.2 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan pembangunan teknologi bagi pengekstrakan torium dan melaporkan status pembangunan seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. | |
| <u>40. Pembangunan dan Penyelidikan (Research and Development, R&D)</u><br><br>40.1 Pemegang lesen hendaklah membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D mengenai pengurusan residu WLP dan yang berkaitan dengannya, yang akan dipantau dan diselia oleh Lembaga. | <u>40. Pembangunan dan Penyelidikan (Research and Development, R&D)</u><br><br>40.1 Pemegang lesen hendaklah membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D mengenai pengurusan residu WLP dan yang berkaitan dengannya yang akan dipantau dan diselia oleh Lembaga. | SL 40.2 asal digabungkan ke dalam SL 32.1 (SL baharu) dan digantikan dengan SL baru seperti warna biru. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| 40.2 Pemegang lesen hendaklah mengurangkan atau menurunkan kepekatan keaktifan radionuklid dalam residu WLP ke tahap di bawah 1 Bq/g melalui kitar semula residu WLP atau apa-apa kaedah yang bersesuaian dan diluluskan oleh Lembaga. | **40.2 Pemegang lesen hendaklah membiayai sepenuhnya kos bagi pengurusan dan projek R&D residu WLP dan lain-lain sumber yang mengandungi bahan radioaktif. Kos dan skop kajian terlibat boleh dikaji semula dari masa ke semasa** | SL 40.2 yang baharu dimasukkan bagi memastikan Lynas menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan pengurusan projek R&D.Skop kajian impak kesihatan, sosial atau mana-mana aspek yang ditentukan Lembaga dibawah perbelanjaan 1% Lynas adalah antara skop R&D yang boleh dilaksanakan selain skop sediaada berkenaan pengurusan sisa. |

**LAMPIRAN 3B**

**CADANGAN SYARAT LESEN FOL KE-6 VERSI 2 (IMPORT PEKATAN LANTANIDA DIBENARKAN)**

**Penerangan Cadangan syarat lesen FOL Ke-6 Lynas (M) Sdn Bhd (Berkuat kuasa bermula 03 Mac 2026)**

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| 8. Import/ Eksport | 8. Import/ Eksport | |
| 8.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Lembaga terlebih dahulu sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh peralatan sinaran seperti di Lampiran A diimport/eksport untuk kegunaan sendiri sahaja melalui sistem secara dalam talian (e-Permit) atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh Lembaga. | 8.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Lembaga terlebih dahulu sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh peralatan sinaran seperti di Lampiran A diimport/eksport untuk kegunaan sendiri sahaja melalui sistem secara dalam talian (e-Permit) atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh Lembaga. | 8.1 DIKEKALKAN |
| 8.2 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan Certificate of Analysis (CoA) yang telah disahkan oleh OBTL/PPS dan dilengkapi dengan cop syarikat kepada Lembaga bagi setiap penghantaran punca tidak terkedap | 8.2 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan Certificate of Analysis (CoA) yang telah disahkan oleh OBTL/PPS dan dilengkapi dengan cop syarikat kepada Lembaga bagi setiap penghantaran punca tidak terkedap | DIKEKALKAN |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| pekatan lantanid 14 hari sebelum diimport dari Mt. Weld, Australia ke Malaysia.<br><br>8.3 Pemegang lesen hanya dibenarkan mengimport/eksport:<br>(a) bahan radioaktif punca terkedap; dan<br>(b) bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid dari Mt. Weld, Australia;<br>seperti di Lampiran A untuk kegunaan sendiri sahaja. | pekatan lantanid 14 hari sebelum diimport dari Mt. Weld, Australia ke Malaysia.<br><br>8.3 Pemegang lesen hanya dibenarkan mengimport/eksport:<br>(a) bahan radioaktif punca terkedap; dan<br>(b) bahan radioaktif punca tidak terkedap pekatan lantanid dari Mt. Weld, Australia;<br>seperti di Lampiran A untuk kegunaan sendiri sahaja. | DIKEKALKAN |
| 8.4 Pemegang lesen dibenarkan mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (NORM) ke Malaysia sehingga tamat tempoh sah lesen ini dan juga tertakluk kepada syarat No. 40. | 8.4 Pemegang lesen dibenarkan mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (NORM) ke Malaysia sehingga tamat tempoh sah lesen ini dan juga tertakluk kepada syarat No. 33 dan No. 41. | SL 8.4: Cadangan maksimum 7 tahun sahaja untuk aktiviti import mengambilkira pembangunan pengekstrakan thorium yang dinyatakan di dalam SL No. 33 (Teknologi Torium Extraction) dan No. 41(R&D). Lynas perlu memastikan pengekstrakan torium telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya pada skala komersil. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| | | |
| 15. Perubahan maklumat<br><br>15.1 Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan Lembaga terlebih dahulu sekiranya ingin melakukan sebarang perubahan terhadap:<br>(a) Punca tidak terkedap pekatan lantanid yang digunakan samada jenis, kuantiti dan kualiti;<br>(b) Kemudahan dan lokasi penstoran bagi sumber sinaran;<br>(c) Kemudahan penstoran bagi residu yang dihasilkan;<br>(d) Aliran proses (process flow) yang melibatkan penggunaan punca tak terkedap pekatan lantanid termasuk lembaran aliran terperinci (detail flow sheet) perhitungan input dan output bahan-bahan (materials) dan imbangan air (water balance); dan<br>(e) Reka bentuk kilang yang melibatkan perubahan pada susun atur am (general layout) dan pelan terperinci | 15. Perubahan maklumat<br><br>Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan Lembaga terlebih dahulu sekiranya ingin melakukan sebarang perubahan terhadap:<br>(a) Punca tidak terkedap yang digunakan samada jenis, kuantiti dan kualiti;<br>(b) Kemudahan dan lokasi penstoran bagi sumber sinaran;<br>(c) Kemudahan penstoran dan pelupusan bagi residu yang dihasilkan;<br>(d) Aliran proses (process flow) yang melibatkan penggunaan punca tak terkedap pekatan lantanid sedia ada termasuk lembaran aliran terperinci (detail flow sheet) perhitungan input dan output bahan-bahan (materials) dan imbangan air (water balance); atau<br>(e) Reka bentuk kilang yang melibatkan perubahan pada susun atur am (general layout) dan pelan terperinci | Penambahan pernyataan “dan pelupusan” bagi SL 15.1(c) dan perubahan dari “dan” kepada “atau”.<br><br>Penambahbaikan editorial bagi menjelaskan maksud SL ini dan mengelakkan kefahaman bahawa permohonan kebenaran hanya perlu dikemukakan sekiranya berlaku perubahan terhadap semua perkara yang dinyatakan didalam SL ini. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| serta rekabentuk termasuk rekabentuk keselamatan yang dirancangkan (detail plan and design including its conceptual safety design) yang memerlukan pengesahan semula oleh jurutera bertauliah (Professional Engineer, PE). | serta rekabentuk termasuk rekabentuk keselamatan yang dirancangkan (detail plan and design including its conceptual safety design) yang memerlukan pengesahan semula oleh jurutera bertauliah (Professional Engineer, PE). | |
| <u>16. Program Pemantauan Alam Sekitar</u><br><br>Tiada keperluan bagi sampel flora dan fauna | Penambahan dua (2) sampel flora dan fauna dengan kekerapan sekali setahun dalam Jadual 1: Program Pemantauan Alam Sekitar | Penambahan dua (2) sampel flora dan fauna bertujuan untuk mendapatkan data sekurang-kurangnya sekali setahun. |
| <u>30. Penstoran residu WLP **sebelum pelupusan**</u><br><br>30.1 Pemegang lesen hendaklah menstor residu WLP yang dihasilkan (**sebelum pelupusan)** di Kemudahan Penstoran Sementara (Residue Storage Facility, RSF) yang telah diluluskan oleh | <u>30. Penstoran residu WLP</u><br><br>30.1 Pemegang lesen hendaklah menstor residu WLP yang dihasilkan di Kemudahan Penstoran Sementara (Residue Storage Facility, RSF) yang telah diluluskan oleh Lembaga di dalam kawasan tapak kilang sahaja; | Penukaran tajuk SL dengan menggugurkan perkataan “sebelum pelupusan”, SL 30.3, 30.4 dan 30.6 digugurkan.<br><br>Perkataan “sebelum pelupusan” dikeluarkan untuk membawa maksud WLP perlu dibuat extraction dan tidak dibenarkan dilupuskan. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| Lembaga di dalam kawasan tapak kilang sahaja;<br><br>30.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan tindakan yang sewajarnya diambil bagi menjamin perlindungan keseluruhan RSF, supaya debu tidak berterbangan ke udara secara bebas atau berlakunya kebocoran ke dalam tanah. | 30.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan tindakan yang sewajarnya diambil bagi menjamin perlindungan keseluruhan RSF, supaya debu tidak berterbangan ke udara secara bebas atau berlakunya kebocoran ke dalam tanah. | |
| **30.3 Pemegang lesen hendaklah menghebahkan kepada pihak awam mengenai langkah kawalan berkesan sewajarnya yang dilaksanakan bagi memastikan RSF beroperasi dan berfungsi dengan selamat.** | 30.3 Pemegang lesen hendaklah mengemaskini kuantiti/jumlah terkumpul residu WLP yang distor di setiap RSF setiap bulan dan mengemukakannya kepada Lembaga selewat-lewatnya pada hari ke empat belas (14) bulan berikutnya sepanjang tempoh sah lesen atau apabila diarahkan oleh Lembaga dari **masa** ke semasa. | DIGUGURKAN<br>SL 30.3: Arahan ini telah terkandung di dalam SL CEPA. |
| **30.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan membuat apa-apa pengubahsuaian atau perubahan** | 30.4 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Lembaga sebelum melakukan kerja-kerja penutupan | DIGUGURKAN<br>SL 30.4: Arahan ini telah dinyatakan di dalam Syarat Lesen No. 15 (Perubahan Maklumat) |

| **Syarat Lesen FOL Ke-5**<br>**Status: Sedang Berkuatkuasa**<br>**No ID: 29773**<br>**Tempoh Sah Lesen :**<br>**03 Mac 2023 – 02 Mac 2026** | **Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6**<br>**Status: Draf**<br>**No. ID: TBC**<br>**Tempoh Sah Lesen:**<br>**03 Mac 2026 - TBC** | **Justifikasi** |
|---|---|---|
| **terhadap RSF yang menempatkan residu WLP.**<br><br>30.5 Pemegang lesen hendaklah mengemaskini kuantiti/jumlah terkumpul residu WLP yang distor di setiap RSF setiap bulan dan mengemukakannya kepada Lembaga selewat-lewatnya pada hari ke empat belas (14) bulan berikutnya sepanjang tempoh sah lesen atau apabila diarahkan oleh Lembaga dari **semasa** ke semasa.<br><br>30.6 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Lembaga sebelum melakukan kerja-kerja penutupan (capping) sesuatu RSF yang telah mencapai kapasiti penstoran maksimum. | (capping) sesuatu RSF yang telah mencapai kapasiti penstoran maksimum. | <br><br>Perubahan dari “semasa ke semasa” kepada “masa ke semasa”<br><br>DIKEKALKAN |
| <u>31. Kemudahan Pelupusan **Kekal (PDF)**</u> | <u>31. Kemudahan Pelupusan</u> | Perubahan istilah PDF ditukar kepada kemudahan pelupusan bagi seluruh SL.<br>Justifkasi: |

| **Syarat Lesen FOL Ke-5**<br>**Status: Sedang Berkuatkuasa**<br>**No ID: 29773**<br>**Tempoh Sah Lesen :**<br>**03 Mac 2023 – 02 Mac 2026** | **Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6**<br>**Status: Draf**<br>**No. ID: TBC**<br>**Tempoh Sah Lesen:**<br>**03 Mac 2026 - TBC** | **Justifikasi** |
|---|---|---|
| 31.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja **untuk pembinaan PDF** dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. **Lembaga berhak menyemak semula syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan status kemajuan yang dicapai.** | 31.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja **untuk pembinaan dan pengoperasian kemudahan pelupusan** dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. | i. Surat komitmen Lynas kepada PMX bertarikh 04 Julai 2023 menyatakan bahawa Lynas akan **menyimpan** WLP dengan selamat di dalam PDF sehingga penyelesaian alternatif dibangunkan.<br>ii. Penyelarasan semula tafsiran "*disposal*" mengikut SSR-5 IAEA yang menyatakan seperti berikut: *"The term disposal implies that retrieval is not intended; **it does not mean that retrieval is not possible**."* |
| 31.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP sahaja. | 31.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kemudahan pelupusan yang dibina hanya menempatkan residu WLP yang **dihasilkan sehingga Mac 2026 dan** | 31.2: Penambahan pernyataan "sehingga Mac 2026" berdasarkan Keputusan LEMBAGA yang terkini dan merujuk kepada EIA dan RIA. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| <br><br><br>31.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan pihak ketiga yang bebas (independent third party) yang dilantik melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan **PDF** dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga. | **hanya akan menampung jumlah kapasiti yang telah diluluskan iaitu 1.6 Juta matrik tan.**<br><br>**31.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan WLP yang disimpan dengan selamat di kemudahan pelupusan sehingga suatu penyelesaian alternatif dibangunkan untuk mendapatkan kembali (*retrieve*) bagi tujuan guna semula (*reuse*) atau kitar semula (*recycle*).**<br><br>31.4 Pemegang lesen hendaklah memastikan pihak ketiga yang bebas (independent third party) yang dilantik melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan **kemudahan pelupusan** dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga. | <br><br><br>31.3: SL baharu yang dicadangkan untuk ditambah berdasarkan surat Lynas kepada PMX bertarikh 04 Julai 2023<br><br><br><br>31.4 DIKEKALKAN |
| TIADA | **SYARAT LESEN BARU**<br><br>33. Teknologi Pengekstrakan Torium | <br><br>Penambahan SL baharu bagi FOL ke-6. |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| | | Mengambilkira keputusan ML Bil.2/2025 dan perkembangan projek ThX. Urusetia mencadangkan SL ini ditambah sebagai SL No. 33 (Bahagian II – Kawalan Operasi) |
| | **33.1** Pemegang lesen hendaklah memastikan pembangunan teknologi bagi pengekstrakan torium dari semua residu WLP yang telah dijana dan yang berkaitan dengannya dapat dilaksanakan untuk mengurangkan atau menurunkan kepekatan keaktifan radionuklid dalam residu WLP ke tahap di bawah 1 Bq/g, **sepanjang tempoh sah lesen.**<br><br>33.2 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan pembangunan teknologi bagi pengekstrakan torium dan melaporkan | 33.1: Sepanjang tempoh sah lesen- Tempoh yang sah untuk rujukan Jabatan dan komitmen oleh pihak Lynas. Cadangan ini mengambilkira keperluan untuk Lynas mengambil tanggungjawab mengkomersialkan teknologi pengekstrakan torium |

| Syarat Lesen FOL Ke-5<br>Status: Sedang Berkuatkuasa<br>No ID: 29773<br>Tempoh Sah Lesen :<br>03 Mac 2023 – 02 Mac 2026 | Cadangan Syarat Lesen FOL Ke-6<br>Status: Draf<br>No. ID: TBC<br>Tempoh Sah Lesen:<br>03 Mac 2026 - TBC | Justifikasi |
|---|---|---|
| | status pembangunan seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. | |
| 40. Pembangunan dan Penyelidikan (Research and Development, R&D)<br><br>40.1 Pemegang lesen hendaklah membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D mengenai pengurusan residu WLP dan yang berkaitan dengannya, yang akan dipantau dan diselia oleh Lembaga.<br><br>40.2 Pemegang lesen hendaklah mengurangkan atau menurunkan kepekatan keaktifan radionuklid dalam residu WLP ke tahap di bawah 1 Bq/g melalui kitar semula residu WLP atau apa-apa kaedah yang bersesuaian dan diluluskan oleh Lembaga. | 41. Pembangunan dan Penyelidikan (Research and Development, R&D)<br><br>Walau apa pun syarat lesen 33, pemegang lesen hendaklah memperuntukkan kepada Kerajaan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D mengenai pengurusan residu WLP dan yang berkaitan dengannya, yang akan dipantau dan diselia oleh Lembaga. | SL 40.1: Memperjelaskan saluran peruntukan untuk R&D dan mewujudkan mekanisma yang telus yang tidak diuruskan oleh pemegang lesen bagi mengelakkan konflik perlaksanaan R&D.<br><br>SL 40.2: Dicadangkan digugurkan dan digabung bersama SL 33.1 (komersial) dan 31.3 (reuse dan recycle) |